

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 27 MEI 2015, RABU

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan terdapat beberapa fasa pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo dan projek pembinaan tersebut akan mengambil masa berapa tahun untuk siap dibina. Adakah tempat-tempat yang kerap berlaku kemalangan akan dibina terlebih dahulu seperti jalan dari pasar Jakar ke Sebangkoi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak melibatkan cadangan membina dan menaik taraf jalan sepanjang 936 km. Ia akan dilaksanakan menerusi inisiatif pihak swasta menerusi konsep 'Private Finance Initiative' (PFI) secara dua fasa. Fasa pertama melibatkan laluan dari Tanjung Datu – Sematan – Kuching – Serian – Sibul – Bintulu – Miri. Manakala fasa kedua pula melibatkan laluan jalan persekutuan di bahagian Limbang dan Lawas yang akan dimulakan pada tahun 2018.

Pada masa kini projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang pertama iaitu melibatkan laluan dari Nyabau ke Bakun sepanjang 43 km telah dimulakan pada 31 Mac 2015 lalu. Manakala projek yang kedua pula melibatkan laluan dari Telok Melano ke Sematan sepanjang 33 km yang akan dimulakan pada bulan Oktober 2015 ini. Manakala segmen-segmen laluan yang lain (untuk fasa pertama) akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016. Ini termasuklah laluan yang telah dikenal pasti sering berlaku kemalangan (blackspots), seperti antara pekan Jakar ke Bukit Sebangkoi.

Keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan mengambil tempoh 8 tahun untuk disiapkan, iaitu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023.

Sekian. Terima kasih.